

09 JUN 2003

Konvensyen-PCC/I

PCC MERCU TANDA TERBARU PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 9 Jun (Bernama) -- Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) yang tersergam megah dan menjadi mercu tanda terbaru Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya kini siap sepenuhnya untuk menjadi tuan rumah kepada pelbagai acara bertaraf dunia setelah ia diserahkan secara rasmi kepada kerajaan Malaysia hari ini.

Bangunan berharga RM650 juta yang dilengkapi pelbagai kemudahan terkini dan canggih akan membuka tirai operasinya dengan menjadi tuan rumah kepada para perwakilan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang menghadiri sidang kemuncak mereka Oktober ini.

Dililhamkan pembinaannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut hadir pada majlis penyerahan rasminya hari ini, bangunan yang memiliki senibina yang menakjubkan itu terletak di puncak bukit di bahagian paling selatan kawasan utama Putrajaya iaitu Precinct 5.

Dengan memiliki lima dewan besar yang mampu menampung 10,000 tempat duduk, bangunan sembilan tingkat yang berkonsep futuristik itu merupakan pusat konvensyen terbesar dan dilengkapi teknologi paling canggih di Malaysia.

Hasil senibina yang menjadi kebanggaan negara ini siap dibina dalam masa kurang daripada dua tahun oleh Putrajaya Holdings Sdn Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings Datuk Mohamad Othman Zainal Azim berkata penggunaan sistem pembinaan secara pantas telah membolehkan PCC berjaya disiapkan dalam tempoh yang begitu singkat.

"Ia dibina dalam tempoh yang ditetapkan supaya dapat digunakan bagi Sidang Kemuncak OIC Oktober ini," katanya kepada pemberita yang dibawa meninjau bangunan berkenaan baru-baru ini.

Beliau berkata PCC yang mempunyai keluasan 135,000 meter persegi akan menjadi pemangkin utama kepada Malaysia dalam usahanya untuk muncul sebagai destinasi mesyuarat dan konvensyen antarabangsa yang menjadi rebutan masyarakat dunia.

Mohamad Othman berkata bangunan berkenaan yang terletak di kawasan seluas 20.4 hektar dijangka memantapkan lagi kedudukan Malaysia dalam pasaran pusat mesyuarat dan konvensyen antarabangsa.

Pusat konvensyen ini mampu memenuhi matlamatnya kerana ia mampu menjadi tuan rumah kepada konvensyen terbesar dan paling penting di dunia, kata beliau.

Sebelum ini, Malaysia hanya memiliki dua venue konvensyen bertaraf dunia iaitu Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur dan The Palace of The Golden Horses di Seri Kembangan.

Mohamad Othman berkata, bagaimanapun, kedua-dua pusat konvensyen tersebut tidak mampu menjadi tuan rumah bagi perhimpunan besar, contohnya persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan G77.

Menjelaskan tentang senibina PCC, beliau berkata ia mengambil kira rupa bumi ganjil bukit setinggi 60 meter yang menjadi tapak pembinaannya serta berdasarkan bentuk Pending Perak yang merupakan salah satu pakaian kebesaran diraja.

"Keseluruhan reka bentuknya adalah berbentuk bujur dengan "mata" berbentuk bujur menjadi asas utamanya.

"Walaupun terdapat lebih lima buah dewan, tetapi tiga dewan utamanya ialah Dewan Pleno di tingkat satu, Dewan Ketua Negara di tingkat bawah dan Dewan Bankuasi di tingkat bawah tanah," kata Mohamad Othman.

Beliau berkata bagi mencerminkan motif Pending Perak, 50 bilik lain

termasuk ruang istirahat, galeri, dewan solat, balai cerap, dapur, kafe dan restoran disusun kedudukannya dalam bentuk bulatan sepusat yang mencerminkan nukleus pusat atau "mata" yang terdapat pada pending.

Kawasan di sekitar bangunan ini juga akan dihiasi dengan landskap serta struktur menarik seperti terusan, jambatan dan menara.

"Balai cerap di tingkat satu pusat ini menawarkan pemandangan indah yang terdapat di sekelilingnya. Di tengah-tengah panorama menarik ini terdapat pula laluan yang dihiasi barisan pokok sepanjang 4.2 kilometer yang merentang dari Bangunan Perdana Putra atau Pejabat Perdana Menteri, bangunan-bangunan utama kerajaan dan dataran serta sebuah jambatan yang tersergam indah yang diilhamkan daripada Pont Alexandre III di Paris, hinggalah ke pusat konvensyen ini," kata beliau.

Mohamad Othman berkata kewujudan PCC menjadikan Putrajaya sebuah pusat pentadbiran ultra-modern yang lengkap dengan serba-serbi.

"Ia bukan sekadar memberi kesan yang bersifat nasional. Ia akan meletakkan Malaysia di peta dunia dan menggamit wakil dari seluruh dunia untuk melawat negara kita," kata beliau.

-- BERNAMA

RIZ MAM SP MOZ